



AFRINI bersedia menjelaskan hutangnya selepas Perdana Menteri bersara.

Afrini teringat hutang RM30

BH 31/10/2003 - 42 PRECISE

Oleh Ahmad Asyadi

PENULIS veteran Afrini Adham, 77, atau nama sebenarnya Ahmad Ariffin tidak pernah melupai hutangnya sebanyak RM30 kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad walaupun lebih 30 tahun hutang itu tertunggak dan tidak dibayar.

Afrini yang masih aktif menulis walaupun dalam meniti usia senjanya, tidak pasti sama ada Dr Mahathir mamenyeluk sakunya dan menghulurkan RM30 kepada kenalannya itu.

"Walaupun tidak rapat kami saling mengenali dan bertegur sapa hampir setiap hari ketika berselisih jalan atau ketika sama-sama berniaga di Pekan Rabu bersama beberapa rakan lain sebelum Mahathir memulakan kerjaya sebagai seorang doktor perubatan Melayu pertama di Kedah khususnya di Alor Star.

"Kesempitan hidup dan ketiadaan wang untuk keperluan menyambut Aidilfitri lebih-lebih lagi mengingatkan anak-anak dan isteri, saya mengambil keputusan untuk berjumpa Dr Mahathir di Klinik Maha di Pekan Melayu, Alor Star," katanya.

Afrini berkata, kesempatan mengenali hati budi Dr Mahathir sejak sekian lama kerana rumah mereka tidak jauh antara satu sama lain, serta namanya yang gah di kalangan masyarakat mengatakan Dr Mahathir amat rongnya mendapatkan bantuan daripadanya.

Katanya, kerunsingan yang amat sangat kerana tidak ada wang untuk menyambut hari raya menyebabkannya memberanikan diri untuk ke klinik itu.

"Seperti pesakit lain saya mendaftar dan menunggu giliran untuk menemuinya dan ketika masuk dia bertanya 'sakit apa?'

"Terus terang saya memberitahunya bahawa 'saya mai jumpa Det nak minta RM30 untuk belanja raya.

"Tanpa banyak soal dia terus seluk poket dan bagi RM30. Saya tanya nak kira macam mana? 'Kalau ada bayar', kata beliau."

Sebagai seorang pejuang kemerdekaan bersama pejuang lain menentang Malayan Union, Afrini turut berjuang dengan penanya melalui sajak yang bersemangat dan memberi kesedaran kepada masyarakat ketika itu, sekali gus memartabatkan namanya bersama penulis terkemuka hingga kini.

Kedudukan Dr Mahathir yang terus cemerlang dan tahap kehidupannya yang unggul menyebabkan Afrini berfikir panjang sama ada untuk membayar RM30 yang berikan kepadanya kerana bimbang kalau-kalau ada yang salah tanggap.

"Walaupun keadaannya sekalipun

Pemergiannya adalah satu kehilangan yang tidak mungkin berganti walau seratus tahun lagi kerana sebutir mutiara berharga tentunya akan memakan waktu untuk terbentuk atau waktu itu yang akan memakannya menjadi sisa-sisa tanpa wajah terdampar di dasar laut

waktu itu kita akan tertanya dan tercari bilakah gemerlap mutiara yang pernah bersinar akan muncul kembali bersama gemerlap suria memecah rabung air gemersik menampun batu-batu dan awan di pesisir gunung yang menghiжай.

waktu itu selebar demi selebar benang kasih akan tersimpul di sudut hati terpahat kukuh di sanubari kerana naluri kita memang begitu ketika dekat dibenci ketika jauh dirindu.

Sajak
Malaya
Pasti
Merdeka.



DR MAHATHIR memakaikan tengkolok penganugerahan Penyair Gapena kepada Afrini sempena Hari Puisi Nasional Ke-15 di Langkawi pada 4 November 2000.